

**ESTETIKA KEROHANIAN DALAM SENI KATA LAGU POPULAR
KARYA S. AMIN SHAHAB**

*SPRITUAL AESTHETIC IN THE LYRICS OF POPULAR SONG BY S.AMIN
SHAHAB*

*Hairul Anuar Harun**

Abdul Halim Ali

Mohd Azam Sulong

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

*ardawalika@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesepaduan dan perkaitan antara unsur estetika dengan kerohanian dalam seni kata lagu karya S. Amin Shahab. Sebanyak 10 buah seni kata lagu menjadi sumber data berdasarkan dua kriteria utama, iaitu (1) lagu yang popular dan malar segar, (2) seni katanya menepati tema kerohanian. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan teks dengan pengumpulan data dan kajian kepustakaan. Data yang dianalisis, dibincang secara deskriptif, dengan berpandukan aspek gaya bahasa oleh Tarigan. Penyepaduan unsur estetika gaya bahasa ini dihubungkan dengan pemikiran S. Amin Shahab dan perkaitannya dengan unsur kerohanian. Hasil kajian mendapati sebanyak enam jenis gaya bahasa mendominasi sumber data. Kesepaduan estetika dengan kerohanian, terbukti wujud dan begitu signifikan dengan sastera sufistik serta kaya dengan maksud tersirat dan tersurat mahupun dari aspek tekstual dan kontekstual, serta penuh fikrah, berhikmah, indah, dan bermakna. Penyelidikan ini telah membuktikan bahawa seni kata lagu merupakan sebuah karya sastera yang komprehensif malah sewajarnya ia diangkat serta diiktiraf sebagai salah satu cabang sastera.

Kata kunci: seni kata lagu, lagu popular, S Amin Shahab, estetika kerohanian, gaya bahasa, sastera sufi.

ABSTRACT

This research aims to identify the integration and connectivity between aesthetics and spiritual elements in the lyrics written by S. Amin Shahab. There are 10 lyrics altogether taken as data for this purpose, based on two main criteria, (1) popular and evergreen songs, (2) lyrics with spiritual contents. This research applies a qualitative method through text content analysis approach with data collected and intensive library reference. Data were analysed and descriptively discussed according to the Tarigan language style methods. Integration of aesthetic style is connected with the thought of S. Amin Shahab and its relationship with spirituality. The study found as many as six types of language style, dominate the analysed data source. Aesthetic and spiritual integrity, proven to exist and so significant with Sufi literature. It is also rich and loaded with meaning, with express or implied terms of the textual and contextual, as well as thoughtful, graceful, beautiful, and meaningful. Research has proven that lyrics is a comprehensive literary work and deserved to be recognised as one of the important branches of literature.

Keywords: lyrics, popular song, S Amin Shahab, spiritual aesthetics, stylistic, sufi literature.

PENGENALAN

Seni kata lagu atau juga disebut lirik lagu, merupakan satu wadah popular dalam mengekspresikan rasa, pengalaman dan keilmuan pengkarya. Dengan keterbatasan pola tertentu yang harus diikuti, penulis seni kata masih mampu menulis dan memberi kata-kata yang bersesuaian dengan melodi lagu. Zurinah Hassan (2013) berpendapat, lagu dan lirik lagu memainkan peranan yang besar di dalam kehidupan manusia. Sebagai hasil seni, lagu dan dendangannya adalah cerminan jati diri sesuatu bangsa. Fadhli Al-Akiti (2013) menyatakan lirik dalam lagu turut menyumbangkan alunan indah dalam persada kesusasteraan kebangsaan. Bukan sahaja ungkapan lirik yang indah menyimpan pancawarna maksud dan falsafah, tetapi setiap kata dan rangkap yang disampaikan dengan teknik lantunan dan intonasi suara yang berbakat sememangnya akan memberikan kepuasan impak yang mendalam kepada pendengar.

LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Untuk membuktikan bahawa seni kata lagu bukanlah sebuah karya picisan dan tidak mencabar pemikiran serta tamadun keilmuan, kajian ini akan memberi tumpuan kepada karya-karya seorang penulis seni kata lagu yang terkenal dan sebaris dengan penulis seni kata terbaik di Malaysia iaitu S. Amin Shahab. Walaupun banyak karya seni kata lagu S. Amin Shahab memenangi pelbagai anugerah, sangat popular, dan bersifat malar segar, namun belum ada satu kajian terperinci yang dilakukan oleh para sarjana terhadap karya-karya beliau. Diharap kajian ini dapat memberi peluang kepada ilmuan dan khalayak seni untuk lebih menikmati dan meneliti setiap hasil seni kata lagu. Seterusnya dapat memberi isyarat kepada penulis seni kata lagu yang baru dan penggiat seni agar lebih menitik beratkan soal estetika dan pemikiran dalam sesebuah karya. Seni kata lagu bukan sekadar pelengkap pada sesebuah lagu, tetapi ia juga mampu menjadi pendidik dan pemberi ingatan kepada pendengar akan peri pentingnya hubungan antara manusia dan Maha Pencipta. Kecenderungan sebahagian dari seni kata lagu yang ada di Malaysia, boleh meliputi unsur estetika malah mempunyai bahasa sastera yang tinggi serta mampu mencabar pemikiran dan resam manusiawi. Untuk membuktikan hal tersebut, satu kajian yang menjurus dalam menganalisis estetika dari aspek gaya bahasa dan pemikiran pengkarya, perlu dilakukan.

TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan pada hasil tinjauan kajian terdahulu yang telah dilakukan, pengkaji percaya terdapat kekurangan ketara dalam penyelidikan mengenai estetika terutamanya di dalam seni kata lagu berunsur kerohanian. Di Malaysia, walaupun ada kajian mengenai seni kata lagu, tetapi ia tidak menjurus kepada seorang pengkarya, kecuali P. Ramlee. Malah, terdapat hanya dua penyelidikan sahaja mengenai seni kata lagu di peringkat kesarjanaan dan doktor falsafah yang diperolehi. Jurang penyelidikan seni kata lagu ini sangat ketara terlihat jika dibandingkan dengan penyelidikan seni kata lagu di luar negara, terutamanya di Indonesia. Penyelidikan mengenai seni kata lagu di luar negara tidak hanya tertumpu kepada seni kata lagu berbahasa ibunda mereka semata,

tetapi ia meliputi pelbagai bahasa di seluruh dunia. Hal ini berlaku demikian kerana seni kata lagu merupakan medium yang paling mudah untuk memahami dan mempelajari sesuatu bahasa.

Kajian dari aspek gaya bahasa juga dilihat kurang diberi perhatian oleh para sarjana tanah air. Beberapa unsur gaya bahasa yang dikaji hanya berlegar kepada gaya bahasa kiasan seperti metafora, personifikasi, simile, dan beberapa gaya bahasa mudah yang lain. Kajian mengenai stilistik juga harus diperluas dan diperbanyakkan lagi kerana unsur stilistik merupakan antara unsur terpenting dalam konsep estetika sesebuah karya sastera. Kerangka konsep *Estetika Bersepadu* yang diperkenalkan oleh Abdul Halim Ali juga harus diperluaskan lagi dan pengkaji percaya, kajian yang menjurus kepada kesepaduan estetika kerohanian dengan pemikiran pengkarya ini, merupakan satu perluasan makna dan kaedah memahaminya. Menurut Mohd Affandi Hassan (1992: 53), kesepaduan yang harmonis antara fungsi estetik dengan fungsi intelek akan melahirkan karya yang berkesan kepada jiwa dan akal sekaligus.

Kesan ini akan sia-sia jikalau tidak dimanfaatkan dalam pendidikan adab dan pembinaan insan yang bertakwa. Maka itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian mengenai estetika kerohanian di dalam seni kata lagu S. Amin Shahab ini, sangat relevan untuk diketengahkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian estetika kerohanian terhadap seni kata lagu karya S. Amin Shahab ini, akan menggunakan kaedah kajian kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan teks. Untuk menganalisis dan menilai unsur estetika pada sumber data dalam kajian ini, kerangka konsep *Estetika Bersepadu* yang diperkenalkan oleh Abdul Halim Ali (2010), akan digunakan. Berlandaskan pada kerangka konsep *Estetika Bersepadu*, kerangka teori ini mengemukakan dua pengkaedahan iaitu pengkaedahan stilistik dan pengkaedahan balaghah. Untuk itu, kajian ini menggunakan pengkaedahan stilistik (Tarigan, 2009), dengan menumpukan pada analisis dari aspek gaya bahasa yang digunakan oleh pengkarya.

Kerangka Konsep Estetika Bersepadu Dan Stilistik

Mengenai kerangka konsep *Estetika Bersepadu* ini, Abdul Halim Ali (2010) percaya bahawa keindahan yang terjelma dalam penggunaan gaya dan pemikiran penyair, mampu dimaknakan lagi dengan perutusan atau amanat yang ingin disampaikan kepada khalayak. Dengan itu penyair tidak sekadar menampilkan kebijaksanaannya dalam stail mengarang, tetapi juga kebijaksanaan dalam menyampaikan perutusan kepada pembaca. Mana Sikana (2013: 13) merumuskan, kerangka konsep teori *Estetika Bersepadu* ini bersandarkan kepada konsep keindahan yang tercerna di sebalik keindahan gaya bahasa dan perutusan agama. Berasaskan keterangan al-Quran, hadis, dan sejarah Islam, keindahan dan kesempurnaan kejadian manusia berlaku menerusi proses penyepaduan pelbagai unsur jasmani dan rohani yang membezakan makhluk manusia dengan makhluk-makhluk yang lain. Shafie Abu Bakar (2013) merumuskan, teori yang dibina oleh Abdul Halim Ali ini bertolak dari konsep keindahan gaya dan perutusan agama. Berasaskan al-Quran dan penciptaan Adam sebagai Khalifah Allah yang dilihat padanya kesempurnaan lahir (fizikal) dan dalaman. Abdul Halim melihat kesempurnaan Adam sebagai makhluk terpantul kepada makhluk-makhluk yang lain - termasuklah kesusasteraan.

Stilistik pula merupakan kajian linguistik yang secara umumnya mengkaji aspek gaya bahasa dengan meneroka dan memanipulasi bahasa tersebut sehingga memberikan kesan estetik di dalam karya sastera. Menurut Mana Sikana (1986: 160), gaya bahasa ialah kajian terhadap keseluruhan karya yang berpusat kepada penggunaan bahasa. Ia bertujuan untuk memperlihatkan sejauh mana keberhasilan seseorang pengarang itu mengolah bahasa yang sesuai sebagai penerapan karya kreatif yang bersifat imaginatif, figuratif, dan simbolik yang mampu mengukuhkan pemikiran. *Kamus Kesusasteraan* (2015: 342) mendefinisikan stailistika atau juga disebut stilistik sebagai kajian gaya penulisan dan ujaran yang menggunakan wacana dan konsep yang ditetapkan oleh disiplin ilmunya. Tarigan (1985: 5) mengemukakan “gaya bahasa adalah bahasa indah yang digunakan untuk meningkatkan efek pembicaraan dengan jalan memperbandingkan sesuatu benda atau hal tertentu dengan benda atau hal lain yang lebih umum”. Manakala Semi (1984: 38-41) mengatakan gaya bahasa iaitu yang digunakan oleh sasterawan, meskipun tidaklah terlalu luar biasa, adalah unik kerana selain dekat dengan watak dan jiwa penyair, juga membuat bahasa yang

digunakan berbeza dalam makna. Jadi gaya lebih merupakan pembawaan peribadi.

Tarigan (2009: 6) menyebutkan ada sekitar enam puluh gaya bahasa yang termasuk ke dalam empat kelompok. Empat kelompok gaya bahasa tersebut adalah gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa pertautan, dan gaya bahasa perulangan. Enam jenis gaya bahasa yang akan dianalisis dalam kajian ini ialah **Metafora**, **Antitesis** yang tergolong dalam Gaya Bahasa Perbandingan, **Hiperbola**, **Apofosis** (Gaya Bahasa Pertentangan), **Paralelisme** (Gaya Bahasa Pertautan), dan **Epanalepsis** (Gaya Bahasa Perulangan).

#	Tajuk Lagu	Penyanyi	Komposer	Album
1.	<i>Asyik</i>	Damasutra	Awang BPR	Asyik 1992
2.	<i>Di Balik Cermin Mimpi</i>	M Nasir	M Nasir	Saudagar Mimpi 1992
3.	<i>Di Pintu Mahligai</i>	Iklim	Umarul	Iklim 1994
4.	<i>Hanya Setitik Kasih</i>	Rahmat	Shaari Amri	Rahmat II 1993
5.	<i>Kekasih Awal dan Akhir</i>	Jamal Abdillah	Fauzi Marzuki	Jamal 1991
6.	<i>Penghujung Rindu</i>	Jamal Abdillah	Fauzi Marzuki	Penghujung Rindu 1994
7.	<i>Selamat Tinggal Penderitaan</i>	Iklim	Wan Zul	Bulan Jatuh Ke Riba 1991
8.	<i>Seribu Bayangan</i>	Damasutra	Awang BPR	Kurnia 1993

9. <i>Suci Dalam Debu</i>	Iklim	Wan Zul	Satu Kesan Abadi 1990
10. <i>Umpama Mimpi Dalam Mimpi</i>	Damasutra	Awang BPR	Antara Sutra Dan Bulan 1991

Jadual 1: Senarai Lengkap Sumber Data

ANALISIS DAN DAPATAN

Dalam konteks kajian ini, pengertian estetika akan diterjemahkan melalui pendekatan stilistik melalui kaedah analisis gaya bahasa. Stail atau gaya merupakan satu aspek terpenting yang bersepadu dengan kerohanian bagi mengupayakan kehadiran kesan dan nilai estetika dalam sesebuah karya kesusasteraan. Gaya tidak berdiri secara autonomus, kerana ia harus bersepadu dengan unsur kerohanian dalam konteks memaknakan keindahan teks. Gaya tidak sekadar hiasan estetik, tetapi mengindahkan inti pemikiran dan kerohanian supaya mengesankan keindahan yang bermakna di sisi agama. Perbincangan dibuat berdasarkan dapatan analisis data gaya bahasa yang telah diperolehi dan boleh dilihat pada Jadual 2.

#	TAJUK	METAFORA	ANTITESIS	HIPERBOLA	APOFASIS	PARALELIS	ME P VALEPS	IS	JUMLAH
1.	<i>Asyik (ASY)</i>		2	2	7	1	2	14	
2.	<i>Di Balik Cermin Mimpi (DBCM)</i>	3	2				2	7	
3.	<i>Di Pintu Mahligai (DPM)</i>	3	2	1		1	1	8	
4.	<i>Hanya Setitik Kasih (HSK)</i>	2	3	1	2			8	
5.	<i>Kekasih Awal dan Akhir (KADA)</i>	1	5	1		2		9	
6.	<i>Penghujung Rindu (PR)</i>	3	2	1		1		7	
7.	<i>Selamat Tinggal Penderitaan (STP)</i>	1	2	1			3	7	

8.	<i>Seribu Bayangan (SB)</i>	2	1	2	4	1		10
9.	<i>Suci Dalam Debu (SDD)</i>	2	2	1	1			6
10.	<i>Umpama Mimpi Dalam Mimpi (UMDM)</i>	4	2	2		1		9
JUMLAH BESAR		2 1	2 3	1 2	1 4	7	8	85

Jadual 2: Senarai Semak Analisis Data Gaya Bahasa

Metafora

Menurut *Kamus Pusi* (2005: 58-59) metafora adalah gaya bahasa kiasan atau perbandingan. Sifat gaya bahasa ini ringkas, padat, tersusun rapi, dan biasanya terdiri daripada dua perkataan. Satu daripada perkataan itu bersifat konkrit, iaitu nyata dan menjadi objek untuk difikirkan. Satu perkataan lagi bersifat abstrak (mujarad), iaitu tidak nyata, yang menjadi pembanding.

Seni kata lagu karya Amin sememangnya terkenal dengan metafora yang menggunakan kata mimpi sama ada dalam seni kata lagu berunsur kerohanian, mahupun berunsur percintaan dan kemanusiaan. Pada Amin, mimpi itu adalah kehidupan dan kehidupan ini adalah sebuah mimpi. Mimpi adalah pengalaman bawah sedar yang melibatkan deria penglihatan, pendengaran, fikiran, perasaan, atau indera lain. Kejadian dalam mimpi mustahil terjadi dalam dunia nyata dan di luar kuasa pemimpi. Namun, ada juga manusia yang mampu melihat sesuatu seperti firasat di dalam mimpinya itu terutamanya pada manusia yang mempunyai *sixth sense* atau deria keenam. Amin mengakui dirinya memiliki keupayaan tersebut. Pemimpi juga dapat merasa pelbagai emosi semasa di dalam mimpi. Mimpi adalah antara faktor manifestasi bawah sedar (*subconscious*) dari sudut psikoanalisis. Terdapat dua metafora berunsur mimpi dalam seni kata lagu *Di Balik Cermin Mimpi* iaitu;

di balik cermin mimpi (DBCM: rangkap 1, baris 1)

di arena mimpi yang penuh bermakna (DBCM: rangkap 1, baris 6)

Metafora ‘cermin mimpi’ dan ‘arena mimpi’ ini merupakan manifestasi Amin kepada perlambangan kesufian yang sering mengungkapkan mimpi sebagai sesuatu pengalaman batiniah yang penting oleh seorang pengembara yang mencari Tuhan di jalan suluk (tasawuf). Jika menurut pandangan Amin bahawa mimpi diibaratkan sebuah kehidupan, maka ‘cermin mimpi’ boleh ditafsirkan sebagai sebuah pantulan kehidupan. Cermin adalah satu benda yang mampu memantulkan kembali imej di hadapannya dengan bantuan cahaya. Maka metafora ‘cermin mimpi’ membawa maksud kepada sesuatu tafsiran atau pernyataan tentang apa yang ingin disampaikan di dalam mimpi tersebut. Arena pula adalah suatu kawasan yang berbentuk gelanggang atau medan pertarungan dan apabila digabungkan dengan kata mimpi, ia memberi definisi di mana mimpi tersebut berada dalam lingkungan yang mampu dikawal. Sebagaimana mimpi yang berlaku sesuai dengan daya tarik iaitu rasa suka menarik rasa suka. Oleh itu *di arena mimpi yang penuh bermakna*, menandakan Amin sedar akan kehadiran mimpi yang memberi erti dalam hidupnya.

Kata tabir membawa maksud sesuatu yang melindungi sesuatu yang lain atau juga disebut hijab, langsir, tirai, kerudung dan sebagainya. Kata ‘tabir’ dalam metafora digunakan Amin di dalam seni kata lagu *Di Balik Cermin Mimpi, Penghujung Rindu* dan *Di Pintu Mahligai*.

dengan tersingkapnya tabir siang (DBCM: rangkap 4, baris 1)

bila kekasih menyingkap tabir cinta (PR: rangkap 1, baris 3)

aku menanti singkapan tabir cinta (DPM: rangkap 2, baris 4)

Tabir yang dimaksudkan ini lebih menjurus kepada pengalaman kerohanian yang diselindungi oleh Allah, kepada seorang manusia yang menempuh jalan menuju-Nya. Amin menyatakan bahawa ‘tabir siang’ itu telah tersingkap yang membawa maksud Allah telah mengizinkan manusia itu ‘melihat’ misteri atau pengalaman kerohanian yang terselubung selama ini. Manakala kedua-dua metafora ‘tabir cinta’ pula, membawa pengertian bahawa Amin menunggu dan berharap agar Allah memberikan hidayah dan nur kepadanya, lalu dibukakan hijab yang selama ini membatasi rasa kasih cintanya kepada Allah SWT.

Metafora ‘hujung rindu’ membawa maksud kerinduan para ahli sufi sudah hampir sampai ke kemuncaknya apabila rasa bersatu dengan

kasih sayang Allah itu, mula dapat dirasai oleh mereka. Bila cinta antara hamba dan sang Khalik telah bersatu, maka tiada apa lagi yang dapat menghalangnya. Di saat itu kematian adalah saat paling ditunggu kerana di situlah pintu mereka dipertemukan. Tiada apa lagi yang diimpikan oleh sang pencinta hanya rasa ingin menatap wajah sang Kekasih. Maka di situlah sebenarnya ‘penghujung rindu’ mereka kerana selepas itu, tiada lagi istilah rindu kerana segalanya akan bersatu menjadi satu. Unsur dan makna perlambangan metafora ini jelas dapat dilihat dalam seni kata lagu *Penghujung Rindu* iaitu:

*kita bertemu di **penghujung rindu*** (PR: rangkap 6, baris 3)

Orang yang cinta pada Allah tidak mengharapkan pahala dan tidak mengharapkan syurga. Dia tidak takutkan neraka dan tidak takut apa saja kecuali ia takutkan jauh dari kasih sayang-Nya. Mereka terasa terseksa sekiranya Tuhan tidak memandang kepada mereka, sekiranya Tuhan tidak rela dengan mereka. Sebenarnya cinta kepada Allah itu adalah cinta sejati. Seharusnya manusia yang mencintai Tuhannya dapat merasa kasih sayang Allah itu. Metafora ‘sinar kasih’, ‘denyut kasih’ dan ‘semangat kasih’ ini mempunyai ciri-ciri rasa dan perasaan yang bersifat pengalaman rohani manusia dengan Tuhannya. Amin merakamkan rasa kasih cinta Tuhan itu gaya bahasa metafora dalam seni kata lagu *Di Pintu Mahligai, Seribu Bayangan, dan Umpama Mimpi dalam Mimpi* seperti berikut:

*kusentuh **sinar kasih*** (DPM: rangkap 2, baris 2)

denyut kasihnya (SB: rangkap 3, baris 4)

*agar pulih **semangat kasih** dan mesra* (UMDM: rangkap 5, baris 3)

Manakala metafora berunsur bayangan pula dapat dilihat menerusi seni kata lagu *Seribu Bayangan* dan *Umpama Mimpi Dalam Mimpi*. Unsur bayangan yang dimaksudkan, lebih merujuk kepada bayangan kepada sifat Tuhan. Pada Amin, segala apa yang ada di dunia ini, adalah bayangan Allah. Manusia hanya mampu membayangkan sifat-sifat Tuhan, tetapi bukan rupa-Nya. Apapun bayangan yang terlintas dalam hati dan fikiran manusia, itu bukan rupa Allah yang sebenarnya, kerana Allah itu tidak menyerupai sesuatu apapun dan tidak ada sesuatupun yang menyerupai-Nya.

seribu bayangan aku gambarkan (SB: rangkap 1, baris 3)
terasa inginku sentuh bayanganmu (UMDM: rangkap 4, baris 3)

Dalam karya sastra sufi, memang sering hidup ini dikiasakan sebagai bayang-bayang yang dibentangkan di layar mimpi, dan kiasan ini dapat dihubungkan dengan gagasan filosofis yang dikembangkan oleh pengikut neo-Platonisme. Melalui Ibn 'Arabi, antara lain, gagasan ini dibawa kepada pemikiran mistik Islam. Dapatlah dikatakan juga bahawa metafora berunsur bayangan ini, merupakan salah satu unsur mistik yang terdapat dalam karya sastra sufi atau sastra kerohanian.

Antitesis

Antitesis adalah sebuah gaya bahasa yang mengandungi gagasan-gagasan yang bertentangan, dengan mempergunakan kata-kata atau kelompok kata yang berlawanan. Gaya ini timbul dari kalimat berimbang (Keraf, 2007: 126). Menurut Tarigan, antitesis berada dalam kelompok gaya bahasa perbandingan. Ada juga pendapat yang mengatakan antitesis adalah sejenis gaya bahasa pertentangan. Namun, gaya bahasa perbandingan dilihat lebih sesuai kerana gaya bahasa ini bukan sahaja menggunakan gagasan bertentangan semata-mata, tetapi ia juga bersifat membandingkan hal yang bertimbal balik, dengan sesuatu perkara yang ingin diketengahkan.

Sumber segala-galanya itu adalah Allah jua. Dialah yang menjadikan buruk dan baik, malam dan siang, suka dan duka, besar dan kecil, ghaib dan nyata, dan seterusnya. Ia menunjukkan kesempurnaan Allah SWT. Meskipun Dia menjadikan kejahatan, namun Dia tidak jahat. Meskipun Dia menjadikan buruk, namun Dia tidak buruk. Amin cuba untuk menyatakan hal tersebut di dalam seni kata lagu karyanya melalui gaya bahasa antitesis ini. Ia juga bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah *Adz-Dzaariyaat*, ayat 49 yang bermaksud: *Dan tiap-tiap jenis, Kami ciptakan berpasangan, supaya kamu mengingati (kekuasaan Kami dan mentauhidkan Kami).*

Amin menggunakan unsur ini di dalam gaya bahasa antitesis untuk menggambarkan perasaannya secara total sama ada bersifat penyerahan mahupun kemusnahan. Sebanyak dua buah seni kata lagu

yang menggunakan antonim kata 'jiwa-raga' dan 'jasad-nyawa' iaitu di dalam lagu *Asyik* dan *Penghujung Rindu* yang membawa pengertian bahawa Amin sanggup menyerahkan jiwa dan raganya secara menyeluruh demi mendapatkan cinta dan kasih sayang Allah. Penyerahan jiwa dan raga juga bermaksud Amin sudah bersedia melalui fasa penyatuan dengan Tuhan di mana segala apa yang dilakukannya, hanyalah semata-mata kerana Yang Maha Berkuasa. Ia dapat dilihat dalam frasa-frasa berikut:

dan hanya kepadamu
*kuserah **jiwa ragaku*** (ASY: rangkap 6, baris 1-2)

kerana kasihku sanggup korbankan
jasad dan nyawa (PR: rangkap 3, baris 3-4)

Apabila seseorang pengembara itu menjumpai semua jalannya yang sebenar, kekeliruan rasa tentang pernyataan kesyukuran pula akan melanda. Amin menggunakan antitesis 'tangis-tawa' dan 'jerit-tanpa suara' dalam frasa di dalam lagu *Umpama Mimpi Dalam Mimpi*, untuk menyatakan kegembiraan yang hakiki.

*bagai **jeritan tanpa suara*** (UMDM: rangkap 3, baris 3)

tangisan dalam ketawa
sedu sedan menjadi syair cinta (UMDM: rangkap 4, baris 1)

Amin telah menggunakan antitesis berunsur jarak dalam pencarian seperti 'dekat-terasing' dan 'jauh-jelas', untuk menggambarkan pencarian kasih sayang dan kecintaannya kepada Allah. Jelas terlihat kesedaran Amin dalam merasai kehadiran kasih sayang dan cinta Allah kepadanya itu. Dalam seni kata lagu *Di Pintu Mahligai*, Amin mengungkapkan kesedarannya pada betapa kerdilnya Amin dalam mencari kasih Allah.

kusentuh sinar kasih
*dari matamu **dekat dan terasing*** (DPM: rangkap 2, baris 2-3)

*kulihat kasihmu melambai
walaupun jauh tapi jelas* (DPM: rangkap 4, baris 2-3)

Secara etimologi kata 'mistik' atau *mystic* berasal dari bahasa Yunani *myein*, dan ada kaitannya dengan *mystery*, juga bermaksud 'menutup mata' atau 'terlindung di dalam rahsia'. Dalam pengertian yang benar tersirat, ia bermaksud adanya suasana kekudusan dan kekhushyukan dalam upaya menangkap rahsia Yang Maha Agung melalui disiplin spiritual yang keras dan bersungguh-sungguh. Dan apabila tasawuf dapat disebut 'mistisisme Islam', tentulah ia boleh diberi makna sebagai ajaran kerohanian penuh suasana kekudusan dan kekhushyukan berkenaan 'menutup mata' atau sesuatu yang 'terlindung dalam rahsia'.

Amin secara tidak langsung telah memperjelaskan makna mistik yang dihuraikan itu dalam gaya bahasa antitesis dengan menggunakan kata antonim 'lindung-buka', 'terang-semunyi' dan 'aku-engkau'. Di dalam seni kata lagu *Asyik* dan *Seribu Bayangan*, antitesis 'dilindung-dibuka' dan 'terang-semunyi' telah digunakan Amin untuk menggambarkan tentang rahsia yang terlindung dan mampu dibuka jika manusia tahu dan berilmu dalam menafsirkan rahsia Allah tersebut. Namun, ada rahsia yang tetap akan tinggal sebagai rahsia yang tak tercapai dek akal untuk menafsirkannya. Ada juga rahsia yang sekadar bersifat dugaan semata-mata seperti sebuah teka teki.

*dilindung dan dibuka
rahsiakan tetap rahsia* (ASY: rangkap 1, baris 3-4)

*bukan mudah mencari kasih abadi
dalam terang ia sembunyi* (SB: rangkap 6, baris 3-4)

*di balik cermin mimpi
aku melihat engkau* (DBCM: rangkap 1, baris 1-2)

Antonim 'aku-engkau' sememangnya menjadi kegemaran para sasterawan sufi dalam memperlihatkan hubungan antara hamba dan Tuhannya. Amin juga tidak ketinggalan menggunakan antonim tersebut di dalam seni katanya dan lagu *Di Balik Cermin Mimpi*, jelas Amin meletakkan gaya bahasa antitesis itu dengan penuh bergaya, bersifat

surrealisme dan sungguh menjadi misteri kepada khalayak yang membaca dan mendengarnya. Seni kata lagu *Di Balik Cermin Mimpi* ini ditulis terlebih dahulu sebelum melodinya dicipta. Ini bermakna Amin sememangnya mahu menyatakan apa yang sepatutnya ingin dia nyatakan tanpa dibatasi oleh suku kata melodi lagu. Maka jelas di sini, Amin ingin mengungkapkan dengan sesungguhnya frasa *di balik cermin mimpi, aku melihat engkau*, yang bermaksud seorang hamba melihat zat-zat Allah di dalam bayangan cermin tersebut. Secara simboliknya, Amin seolah-olah melihat Allah di dalam cermin, yakni melihat dirinya sendiri yang meminjam sifat dan zat Allah di dalam bayangan kehidupan. Cermin dan bayang-bayang seringkali digunakan untuk menerangkan hubungan antara manusia dengan Sang Pencipta. Al-Ghazali banyak menegaskan bahawa jiwa manusia diumpamakan sebagai sebuah cermin yang mencerminkan alam adikudrati dan rohani.

Ibrahim Hakki dalam karya prosanya berjudul *Insan-I Kamil*, beliau menyatakan bahasa manusia sempurna ialah orang yang mendapat ilham dari ungkapan: *Ana sirruka ayyuna al-Habib wa Anta Sirri* yang bermaksud “Aku rahsia-Mu oh Kasihku dan Engkau rahsiaku” (Bukhari Lubis, 1994: 113-114). Menutup mata terhadap alam fenomena menyebabkan seseorang sufi memiliki penglihatan rohani yang terang dan hidup, dan dengan demikian dapat menyaksikan rahsia terdalam (*haqa'iq*) ajaran agama.

Cahaya bulan wujud dan muncul bersumberkan cahaya matahari. Justeru itu para sasterawan sufi beranggapan matahari itu adalah zat Allah dan bulan itu adalah manusia yang mencari keredhaan Allah. Bulan tidak akan bersinar tanpa cahaya matahari. Begitu juga manusia yang tidak punya daya kuasa melainkan dengan kehendak-Nya. Amin mencitrakan imej bulan dan matahari ini dalam gaya bahasa antitesis yang terdapat dalam seni kata lagu *Penghujung Rindu* dan *Di Balik Cermin Mimpi*.

terang **bulan** kerana **mentari**

hadir bayang kerana cahaya (PR: rangkap 4, baris 1-2)

bila **bulan** bersatu dengan **mentari**

bayang-bayangku hilang (DBC: rangkap 2, baris 1-2)

Pencitraan Amin pada ‘bulan’ dan ‘mentari’ dalam seni kata lagu *Penghujung Rindu* bermaksud kemunculan bulan itu hanya kerana ihsannya matahari yang memantulkan cahaya pada bulan. Bermakna manusia itu wujud dan hidup adalah dari ihsan zat Allah. Manakala di dalam seni kata lagu *Di Balik Cermin Mimpi*, Amin mengibaratkan apabila cinta manusia dan Tuhannya telah bersatu, maka akan hilang lenyaplah dunia. Seperti kejadian gerhana matahari di mana bulan berada tepat di antara bumi dan matahari, bumi tidak akan lagi mendapat cahaya, seolah-olah gelap seperti malam hari. Bayang-bayang juga akan turut hilang apabila cahaya tidak ada lagi. Apabila kasih sayang bersatu, fanalah dunia ini. Segala bayangan keraguan sudah tidak wujud lagi. Apa yang ada hanyalah wujud Allah semata-mata. Ia juga boleh ditafsirkan sebagai jasad yang telah kembali bersatu dengan roh.

Seorang pencinta akan menjadi bertenaga dalam perjalanan pencariannya dengan melaksanakan apa sahaja yang wajib baginya untuk tujuan mendekatkan dirinya kepada Sang Kekasih. Sebagai hamba, manusia dituntut untuk melakukan perkara yang diredhai demi mendekatkan diri dengan Yang Maha Pencipta. Apabila pencarian sudah semakin hampir, kerinduan pada Allah itu semakin dekat dirasakan. Amin menggambarkan kerinduan seorang hamba kepada Kekasihnya tersebut sebagai sesuatu yang sangat dinanti dan diharapkan. Dengan menggunakan antitesis ‘malam-siang’ dan ‘berpisah-bertemu’, Amin menzahirkan rasa kerinduan dalam pencarian itu di dalam seni kata lagu *Kekasih Awal dan Akhir*.

malam menanti siang

siang menanti malam

sekitar lama berpisah

akhirnya bertemu

(KADA: rangkap 1, baris 1-2)

(KADA: rangkap 3, baris 1-2)

Di dalam seni kata lagu *Kekasih Awal dan Akhir* juga, Amin menegaskan mengenai sifat kekasihnya sebenar, yang merujuk kepada Allah SWT. Amin memberi pernyataan sifat kekasih dengan antonim ‘awal-akhir’ dan ‘batin-zahir’ yang melambangkan penyerahan jiwa sepenuhnya kepada Sang Khalik. Ia dapat dilihat seperti berikut:

kau kekasih awal dan akhir

*kau kekasih **batin dan zahir*** (KADA: rangkap 4, baris 1-2)

Frasa ini jelas membuktikan bahawa seni kata lagu tersebut, benar-benar bersifat kerohanian dan disulam dengan estetika yang sangat bermakna. Ia juga berkait rapat dengan perjalanan seorang sufi yang mencari Tuhannya dari satu tahap ke satu tahap, dari setingkat ke setingkat. Ada empat tahap perjalanan menuju kesempurnaan manusia iaitu tahap syariat, tarekat, hakikat dan makrifat.

Gaya bahasa antitesis juga digunakan Amin untuk menzahirkan rasa kesyukurannya apabila segala dugaan yang harus dilaluinya selama ini, bertukar menjadi rahmat yang tidak ternilai harganya. Ia setelah berlakunya tahap penyerahan jiwa di mana rasa bersatu dengan Allah itu mula wujud dalam rohani Amin dengan pentauhidan yang sejujur dan sepenuhnya. Antitesis yang bersifat buruk bertukar baik itu dapat dilihat dalam seni kata lagu *Selamat Tinggal Penderitaan, Suci Dalam Debu* dan *Hanya Setitik Kasih* seperti berikut:

airmata menjadi permata
kebencian menjadi cinta (STP: rangkap 4, baris 1-2)

debu jadi permata
hina jadi mulia (SDD: rangkap 5, baris 3-4)

satu keazaban
satu kenikmatan
satu kesempurnaan (HSK: rangkap 2, baris 3-5)

Hiperbola

Hiperbola adalah kiasan yang terdiri daripada ungkapan yang berlebihan, gambaran yang dilukiskan dalam hiperbola tidak menepati realiti, tetapi mengandungi nilai estetika dan dapat menimbulkan daya tarikan. Kebijaksanaan menggunakan hiperbola akan membantu mempertingkatkan mutu sastera (Rahman Shaari, 1993: 51-52). Di dalam sastera Arab, hiperbola juga disebut sebagai *mubalaghah* yakni penegasan yang berlebihan-lebihan atau ungkapan yang melampau (Bukhari Lubis, 1987: 123).

Kesanggupan Amin untuk menggenggam dan meredah api, menentang berjuta musuh dan sanggup mengorbankan jiwa dan raganya demi kecintaan kepada Allah, telah dizahirkan di dalam seni kata lagu *Suci Dalam Debu, Asyik, dan Penghujung Rindu*.

*kerana cinta lautan berapi
pasti akan kurenang jua* (SDD: rangkap 6, baris 3-4)

akan aku genggam api hingga jadi besi
(ASY: rangkap 4, baris 1-2)

*walau berjuta seteru
tak kuragu* (ASY: rangkap 6, baris 3-4)

*kerana kasihku sanggup korbankan
jasad dan nyawa* (PR: rangkap 3, baris 3-4)

Apabila rasa penyerahan diri dan sebenar-sebenarnya tauhid itu telah sebat di dalam diri manusia, apapun yang datang selagi ia bersifat keduniaan, tidak akan menggugah tahap keimanan mukmin sejati. Dengan gaya bahasa hiperbola ini, Amin menyatakan iktikadnya dalam pentauhidan kepada Allah dan tidak mempedulikan lagi segala anasir yang cuba mengganggu gugat keimanannya. Amin menegaskannya di dalam seni kata lagu *Hanya Setitik Kasih* dan *Kekasih Awal dan Akhir* seperti dalam frasa berikut:

*walau segunung emas
takkan sama setitik kasih
yang kau tanda di jiwaku* (HSK: rangkap 3, baris 13-15)

*takku hairan takku peduli
walau bulan jatuh kebumi* (KADA: rangkap 5, baris 1-2)

Selain dari godaan harta benda dunia, Amin turut membayangkan bahawa dia tidak lagi mempedulikan apa jua yang berlaku walaupun bulan jatuh ke bumi sedangkan jika bulan telah jatuh, pastinya kiamatlah akan berlaku. Keyakinan inilah yang harus ada pada setiap manusia yang

percaya wujudnya Allah Yang Satu dan tiada Tuhan lain, selain dari Allah SWT.

Sentuhan sasterawan boleh sahaja berdasarkan pengalaman rohaniahnya dengan al-Khaliq, terhadap alam, kehidupan, dan insan. “Ungkapan-ungkapan yang indah” yang ditekankan tentu sahaja menjadi syarat bagi karya sastera Islam dalam hubungan ini, termasuklah puisi Islam (Ahmad Kamal Abdullah, 2010: 223). Amin juga mengungkapkan gaya bahasa hiperbola berunsur alam ini dengan sebaiknya apabila menggambarkan cinta dan kesanggupannya sebagai seorang hamba dengan Penciptanya di dalam seni kata lagu *Selamat Tinggal Penderitaan* dan *Seribu Bayangan* seperti berikut:

*lautan api boleh menjadi
oh taman salji* (STP: rangkap 6, baris 4-5)

*sedalamnya lautan tingginya bulan
bisa disentuh dengan pengetahuan* (SB: rangkap 2, baris 1-2)

*sepahitnya hempedu bisa ditelan
jika itulah penawarnya* (SB: rangkap 2, baris 3-4)

Latar belakang Amin yang juga seorang pelukis beraliran surealisme, memberikan kelebihan padanya untuk berimajinasi dengan lebih luas dan bersifat *avant-garde*. Gaya bahasa hiperbola berunsur mistik ini digemari oleh penyair sufi dalam menggambarkan pengalaman rohaniyah mereka ketika berada di jalan suluk. Karya Amin sangat sinonim dengan unsur mimpi yang sering diungkapkannya. Hiperbola unsur ini dapat dilihat di dalam seni kata lagu *Umpama Mimpi Dalam Mimpi* seperti berikut.:

*kenangan bersamamu kasih
seumpama mimpi di dalam mimpi* (UMDM: rangkap 1, baris 1-2)

Gambaran tentang keperitan Amin dalam menanggung kerinduan kepada Allah, dilukiskan di dalam hiperbola yang dihubungkan dengan antitesis seperti frasa seni kata lagu *Umpama Mimpi Dalam Mimpi* berikut:

*luka yang tak terasa
mengalir darah yang tak berwarna
bagai jeritan tanpa suara* (UMDM: rangkap 3, baris 1-3)

Unsur mistik seperti luka yang tidak terasa, darah yang tidak berwarna dan jeritan yang tanpa suara itu membayangkan betapa gerunnya situasi tersebut hingga mencetuskan satu misteri yang tidak mampu terungkap dengan pemikiran biasa. Mana mungkin darah tidak berwarna, namun unsur misteri dan mistik itulah yang menimbulkan nilai estetika dalam pengalaman kerohanian Amin, lalu diluapkannya di dalam seni kata lagu. Unsur mistik ini juga seringkali dapat dikaitkan dengan surealisme yang perlu ditafsir dengan sebaik-baiknya kerana mempunyai makna yang berlapis-lapis.

Apofasis

Apofasis atau preterisio merupakan sebuah gaya di mana penulis atau pengarang menegaskan sesuatu, tetapi tampaknya menyangkal. Berpura-pura membiarkan sesuatu berlalu, tetapi sebenarnya ia menekankan hal itu. Berpura-pura melindungi atau menyembunyikan sesuatu, tetapi sebenarnya memamerkannya (Keraf, 1985: 130). **Kesimpulannya, apofasis atau preterisio ini** adalah gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang atau pengkarya untuk menyampaikan sesuatu yang mengandungi unsur kontradiksi seperti; kelihatan menolak tetapi sebenarnya menerima, kelihatan memuji tetapi sebenarnya mengejek, seperti membenarkan tetapi sebenarnya menyalahkan, atau seperti merahsiakan tetapi sebenarnya membongkarkan.

Menafsirkan sesuatu yang mengelirukan itu bukannya mudah kerana selain dari memerlukan akal kontemplatif, imaginasi kreatif, nur batin (ma'nawi) yang cerah, sifat dapat merasai dalam jiwa dan rohani itu juga merupakan faktor terpenting dalam mengetahui makna dan mengenal Allah. Untuk menggambarkan kekeliruan tersebut, atau sebenarnya untuk mengajak agar khalayak berfikir dengan lebih mendalam, Amin telah menggunakan gaya bahasa apofasis yang ringkas di mana memerlukan jawapan dari khalayak sendiri untuk menilainya. Amin menzahirkan penafiannya tetapi apa yang dinafikan itu, tidak ada

salahnya, cuma Amin cuba membawa khalayak untuk berfikir lebih jauh lagi dengan hakikat apa yang cuba 'dinafikan' olehnya itu. Apofosis seperti itu terdapat dalam seni kata lagu *Asyik* dan *Hanya Setitik Kasih*. Setiap frasa, adalah apofosis yang berbeza dan digabungjalinkan secara berturutan. Ia boleh dilihat dalam frasa-frasa berikut:

indah bukan rupa
harum bukan bunga
manis bukan gula
panas bukannya bara (ASY: rangkap 2, baris 1-4)

gelap bukan malam
terang bukan siang
satu tak terbilang (ASY: rangkap 5, baris 1-3)

sentuh tidak terasa
lihat tidak tersapa (HSK: rangkap 2, baris 1-2)

Apa yang dinafikan oleh Amin itu, mengajak khalayak untuk lebih berfikiran jauh dan secara komtemplatif (sepenuh perhatian) agar mendapat jawapan yang lebih komprehensif dan tepat apabila merujuk kepada subjek kecintaan kepada Tuhan. Indah, harum, manis, dan panas bukan sekadar diukur dengan kuantitatif, kualitatif atau yang bersifat material semata-mata, kerana sifat-sifat itu juga boleh dirasai dengan rasa jiwa yang tuntas dan perasaan terdalam terutamanya dibantu oleh pengalaman rohaniah manusia. Begitu juga dengan suasana gelap dan terang yang bukan sahaja merujuk kepada malam dan siang, tetapi ia lebih menjurus kepada pemikiran, hati, roh, jiwa dan perasaan manusia itu sendiri. Jika gelap dan terang sekadar merujuk kepada suasana dan situasi, maka tidaklah ada idiom atau simpulan bahasa seperti gelap hati, gelap fikiran, terang hati, terang tanah dan sebagainya.

Apofosis *satu tak terbilang* dengan jelas merujuk kepada sifat dan kasih sayang Allah Yang Maha Esa. Walau cuma satu tetapi Allah itu tidak terbatas dan meliputi segala-galanya hingga tidak terjangkau oleh pemikiran manusia. Manakala di dalam lagu *Hanya Setitik Kasih*, Amin meletakkan apofosis *sentuh tidak terasa* dan *lihat tidak tersapa* sebagai merujuk kepada tanda-tanda yang cuba disampaikan selama ini di

mana Amin tahu Allah sedang menyentuhnya dengan kasih sayang Allah tetapi Amin masih belum dapat merasainya. Tidak semestinya apa yang dapat kita lakukan kepada makhluk Allah yang lain, dapat kita lakukan juga pada Allah. Kerana merasai kasih sayang Allah itu adalah rasa yang paling terdalam dan paling diidam oleh orang-orang yang sedang menuju ke jalan-Nya. Pada mereka yang masih lagi berada di tahap awal dalam perjalanan tersebut, pasti akan ada kekeliruan diri dan kekaburan hati ketika mendalami ilmu mengenal Allah.

Gaya bahasa apofasis yang mengandungi unsur kontradiksi ini sering menjadi pilihan sasterawan dalam sastera sufi kerana sifatnya yang cuba menyembunyikan sesuatu dan di dalam sastera sufi, unsur-unsur rahsia ini sangat sinonim dengan pengalaman kerohanian mereka. Rahsia yang dimaksudkan ini ialah rahsia ketuhanan. Dalam rahsia ini, orang-orang Sufi mengetahui apa yang orang biasa tidak ketahui. Mereka seolah-olah mendapat ilham dan petunjuk yang seni dan halus dari Allah. Orang sufi mengalami *dzauk* atau perasaan keseronokan rohaniah. Mereka mengalami apa yang orang lain tidak alami. Semua itu bercorak kebatinan dan kejiwaan semata-mata. Di dalam seni kata lagu *Seribu Bayangan*, Amin membayangkan beberapa rahsia dan petunjuk untuk khalayak berfikir mengenai rahsia Allah. Ia dapat dilihat dalam frasa-frasa berikut:

*bukan sengaja aku merahsiakan cinta
tapi curiga kau kan tersalah sangka* (SB: rangkap 4, baris 1-2)

*kerana kita menolak segala bencana
dan asyik bergembira dengan nikmatnya* (SB: rangkap 5, baris 1-2)

*bukannya teka teki gurauan hati
sekadar melindungi kasih yang tersembunyi* (SB: rangkap 6, baris 1-2)

*bukan mudah mencari kasih abadi
dalam terang ia sembunyi* (SB: rangkap 6, baris 3-4)

Allah mampu mengurniakan nur batin (ma'nawi) kepada hambanya yang terpilih. Nur ini adalah cahaya yang membantu kita melihat dengan mata hati terhadap sesuatu yang ghaib atau memahami

sesuatu hakikat atau pengertian. Kurniaan nur itu bagaikan sebuah kerlipan cinta dari Allah pada hamba-Nya. Amin menyatakan *cinta bukan hanya di mata, cinta hadir di dalam jiwa* (SDD: rangkap 2, baris 1-2), di dalam seni kata lagu *Suci Dalam Debu* yang bermaksud cinta pada Allah itu bukan hanya sekadar di mata sahaja kerana rasa cinta pada Allah di dalam jiwa dan roh juga perlu ada dan lebih afdal. Apofasis 'bukan hanya di mata' bermaksud mata zahir dan mata batin manusia juga harus merasa mencintai Allah dengan menghayati alam dan segala ciptaan dan kekuasaan-Nya di dunia ini.

Paralelisme

Paralelisme ialah gaya bahasa yang berusaha untuk mensejajarkan pemakaian kata-kata atau frasa-frasa yang menduduki fungsi yang sama dan memiliki bentuk gramatikal yang sama. Konsep keselarian dalam paralelisme ini berfungsi untuk menyampaikan amanat, idea atau pernyataan dengan tersusun, berirama, dan memberi kesan yang lebih pada khalayak. Di dalam sastera Arab, menurut Bukhari Lubis (1987: 121), paralelisme juga dikenali sebagai *al-mukhalif (al-maqlub)*, yakni dua perkataan yang berbentuk sejajar tetapi berbeza urutannya.

Dugaan dan ujian Allah datang dalam pelbagai bentuk. Adakalanya kerana nikmat, manusia jatuh binasa, dan adakalanya juga kerana bala, manusia mendapat kurnia yang sebesar-besarnya dari Allah seperti taufik dan hidayah untuk meningkatkan keimanannya. Gaya bahasa paralelisme ini membantu Amin untuk menerangkan kepada khalayak tentang bagaimana sesuatu dugaan dan ujian itu ditempuhinya. Paralelisme berunsur dugaan ini dapat dilihat dalam seni kata lagu *Asyik, Di Pintu Mahligai*, dan *Seribu Bayangan*.

indah bukan rupa

harum bukan bunga

manis bukan gula

(ASY: rangkap 2, baris 1-3)

kesunyian ini terlalu indah

walaupun pahit untuk menelan

walaupun pedih sanggupku tahan

dan kurelakannya (DPM: rangkap 3, baris 1-4)
kau masih menduga sehingga kini
andai ku bersenda dengan teka teki
seribu bayangan aku gambarkan
masih lagi kau tak mengerti (SB: rangkap 1, baris 1-4)

Frasa dalam seni kata lagu *Asyik* di atas merupakan dugaan berunsur misteri yang harus dirungkaikan sendiri oleh Amin melalui ilmu pengetahuan. Paralelisme 'indah-harum-manis' adalah kata yang berkait dengan nikmat kehidupan. Namun, ia bukanlah sekadar kata 'indah-harum-manis' yang nyata kerana perlu ditafsir melalui mata hati dan dirasai dengan pengalaman kerohanian Amin sendiri. Amin harus mengali dan mencari jawapan kepada persoalan tersebut. Paralelisme 'sunyi-pahit-pedih' dan 'duga-senda-teka-teki-bayangan-gambarkan' merupakan istilah yang bersifat persoalan dan memerlukan jawapan. Ternyata untuk menjadi arif dalam ilmu mengenal Allah juga merupakan satu bentuk dugaan yang harus ditempuh oleh Amin apatah lagi untuk menyampaikan ilmu itu kepada orang lain.

Selagi makhluk Allah bernafas, selagi itu ia tertakluk pada apa yang telah ditetapkan oleh Tuhan padanya di muka bumi ini. Kadangkala sebagai manusia, kita sering terlupa apa dan kenapa kita berada di dunia ini. Malah manusia kadang langsung tidak pernah mengingati dan merindui Allah yang telah menciptakan manusia itu sendiri. Kerinduan Amin pada Allah, dizahirkannya dalam seni kata lagu. Melalui gaya bahasa paralelisme ini, keindahan pada kerinduannya itu terserlah dan ia dapat disaksikan dalam seni kata lagu *Kekasih Awal dan Akhir* seperti berikut:

terucap seribu kata
terkupaslah rahsia (KADA: rangkap 2, baris 3-5)

tersingkap seribu makna
terucap seribu kata
terkupaslah rahsia (KADA: rangkap 2, baris 3-5)

Di dalam seni kata lagu *Kekasih Awal dan Akhir*, Amin telah meletakkan dua bentuk paralelisme secara sejajar. Pertama, paralelisme 'singkap-ucap-kupas' dan kedua, paralelisme 'makna-kata-rahsia'. Kedua-

dua paralelisme ini menyatakan telah terbukanya rahsia kerinduan yang menyelubungi antara Amin dan Tuhannya sejak sekian lama. Rasa rindu itu terus mekar dan subur apabila kasih sayang Allah itu dapat dirasai sepenuhnya oleh Amin tanpa rahsia lagi.

Begitu juga dengan paralelisme ‘pemisah-tabir-sempadan’ di dalam seni kata lagu *Penghujung Rindu* yang membuktikan tiada lagi halangan buat Amin menghampiri kasih sayang Allah apabila hidayah mula diberi oleh-Nya dan penyerahan diri dilakukan oleh Amin. Gaya bahasa paralelisme ini dapat dilihat dalam rangkap berikut:

*tiada jarak **pemisah** lagi*

*tiada **tabir sempadan** budi*

aku terima dan jua memberi

seikhlas hati

(PR: rangkap 5, baris 1-4)

Ternyata rahmat Allah itu begitu luas. Tidak ada seorang hambapun yang kembali pada-Nya dengan keinsafan dan taubat yang nasuha melainkan akan diliputi dengan rahmat-Nya dan akan diselimuti mereka dengan maghrifah dan keampunan-Nya. Sebagai manusia, walaupun sering diselubungi dosa, sedikit sebanyak rasa inginkan keinsafan dan bertaubat itu harus ada. Jika tidak ada sedetik pun rasa tersebut, sukar untuk manusia berubah ke arah kebaikan, kecuali dengan hidayah dan kehendak-Nya jua.

Epanalepsis

Gaya bahasa epanalepsis tergolong dalam kelompok gaya bahasa perulangan di mana perkataan atau beberapa perkataan awal ayat di dalam klausa, digunakan kembali pada akhir ayat dalam klausa yang sama. Dengan kata lain, epanalepsis adalah satu bentuk pengucapan atau penulisan yang ditakrifkan sebagai pengulangan perkataan awal atau frasa daripada klausa atau ayat, pada akhir klausa atau ayat yang sama. Memberi penekanan yang lebih kukuh pada permulaan dan akhir dalam satu ayat. Dengan mempunyai perkataan atau frasa yang sama pada kedua-dua tempat, ia akan menarik perhatian khusus pada perkataan dan ayat tersebut. Menurut Bukhari Lubis (1987: 123), di dalam sastera Arab, epanalepsis juga dikenali sebagai *radd al-ajz ala al-sadr* yang didefinisikan

sebagai barisan itu berakhir perkataan atau rangkai kata yang sama dengan apa yang telah dimulakan itu.

Seperti kebanyakan karya dalam sastera sufi, Amin juga cuba memberi alamat serta amanat kepada pembaca dan khalayaknya untuk melakukan pendakian spiritual menuju diri yang sejati di jalan makrifat. Amin menggambarkan tentang sifat Allah yang bersatu dengan makhluk itu dengan gaya bahasa epanalepsis di dalam seni kata lagu *Di Balik Cermin Mimpi*. Manakala mengenai rahsia ilmu-ilmu Allah dan juga yang berkaitan dengan roh pula, Amin menegaskan dalam frasa epanalepsis dalam seni kata lagu *Asyik*.

aku melihat aku

(DBCM: rangkap 1, baris 4)

rahsiaikan tetap rahsia

(ASY: rangkap 1, baris 4)

Apapun rahsia Allah tetap menjadi rahsia-Nya. Manusia hanya mampu berusaha mencari sedikit ilmu bagi mengenal dan mendalami rahsia Allah tersebut. Namun, apabila berbicara tentang soal roh yang menjadi rahsia-Nya ini, Allah SWT telahpun mengingatkan pada manusia dalam firman-Nya yang bermaksud:

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja".

(Surah *Al-Israa'*, ayat: 85)

Maka untuk itu, Amin telah berusaha untuk mencari dan mencapai rasa kecintaan pada Allah dengan sebaik-baiknya. Ada kalanya Amin seakan merayu kepada Sang Kekasih untuk menyambut tangannya demi meraih cinta yang sejati dari Allah. Ia dapat dilihat melalui epanalepsis dalam seni kata lagu *Di Pintu Mahligai*. Malah dalam mengejar cinta dari Allah itu, segala dugaan dan halangan sanggup Amin tempuhi kerana padanya, sekali ia telah melafazkan cinta, maka ia akan tetap mendapatkan cinta tersebut walau apapun yang terjadi. Amin menzahirkan rasa itu dalam frasa epanalepsis seni kata lagu *Asyik*.

sambutlah tanganambutlah (DPM: rangkap 5, baris 3)

cintakan tetap cinta (ASY: rangkap 2, baris 5)

Terbukti cinta Allah itu sangat suci dan murni. Tidak ada cinta yang lebih suci dan murni lagi daripada cinta-Nya. Dia sentiasa mencurahkan kasih-Nya pada setiap makhluk di mana pun mereka berada. Epanalepsis kata 'mencurah kasih' sebagai pujian kepada cinta suci Allah itu, telah Amin tegaskan di dalam seni kata lagu *Di Balik Cermin Mimpi*.

mencurah kasih kasih murni
mencurah kasih (DBCM: rangkap 2, baris 4-5)

Melalui gaya bahasa epanalepsis ini, Amin cuba memberi gambaran tentang proses perjalanan seorang sufi dalam pencariannya menuju jalan makrifat. Amin memotretkannya di dalam seni kata lagu *Selamat Tinggal Penderitaan* yang menekankan pada kata 'langkah', 'masa' dan 'tangga'. Ketiga-tiga kata tersebut sangat relevan dan tepat pada proses pencarian mengenal Allah, menurut pandangan ahli sufi. Jika dilihat dari sudut pandangan Islam secara keseluruhannya juga, kata-kata dalam epanalepsis ini tetap bertepatan dan sesuai diguna pakai sebagai perlambangan pada sebuah perjalanan kehidupan. Ia dapat dilihat dalam frasa-frasa berikut:

langkah demi langkah (STP: rangkap 1, baris 1)

masa demi masa (STP: rangkap 1, baris 3)

tangga demi tangga (STP: rangkap 2, baris 1)

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, analisis gaya bahasa di dalam 10 buah seni kata lagu popular karya S. Amin Shahab berpandukan kerangka konsep *Estetika Bersepadu* ini, telah menemukan beberapa perkara penting sebagai kesimpulan keseluruhan kajian ini. Penemuan beberapa gaya bahasa yang jarang dijumpai dan dikaji di dalam seni kata lagu seperti gaya bahasa apofasis, paralelisme, dan epanalepsis, memperlihatkan

pemikiran dan penguasaan bahasa yang luas oleh Amin. Amin banyak menggunakan unsur gagasan keserupaan atau kesepadanan antara alam semesta (*macrocosmos*) dengan manusia (*microcosmos*) dalam gaya bahasanya. Pengalaman batiniah dan pengalaman lahiriah Amin, dirakamkan olehnya di dalam gaya bahasa dengan menggunakan pelbagai perlambangan, perbandingan, dan kiasan. Kesedaran estetika Amin yang tinggi di dalam setiap gaya bahasa yang digunakan, disulami dengan makna mendalam yang perlu ditafsiri. Penyepaduan estetika dengan unsur kerohanian, sangat jelas dilihat dalam setiap gaya bahasa yang ditemui dan Amin berjaya menyampaikan mesej kerohaniannya kepada khalayak, dengan memancarkan kebenaran dan hikmah, iaitu pengetahuan yang dapat membawa khalayak kepada pencerahan kalbu dan keinsafan kepada Allah. Estetika seni kata lagu yang dikaji, terserlah dari aspek gaya bahasa yang digunakan oleh S. Amin Shahab dengan penuh fikrah, berhikmah, indah, dan bermakna.

S. Amin Shahab adalah anugerah Allah kepada dunia seni Melayu dan Islam terutamanya dalam industri muzik kerana seni kata lagunya bukan sahaja dapat menggugah perasaan khalayak dengan estetika bahasanya, tetapi juga membuka pemikiran yang lebih luas dan mengajak masyarakat untuk berfikir lebih matang serta mendalam mengenai kerohanian, kesufian, juga tentang ilmu mengenal dan mendekati Allah. Pengkaji cenderung untuk menyatakan bahawa sumber data yang dianalisis, bukan sahaja mengandungi unsur keindahan dan kerohanian yang tinggi, tetapi ia juga mempunyai nilai sastera sufi yang tersendiri.

Seni kata lagu adalah satu medium sastera yang sangat dekat di hati masyarakat terutamanya untuk mengenal gaya bahasa dan unsur stilistik lainnya, mahupun melalui pengkaedahan teoretikal sastera yang lain. Seni kata lagu juga wajar menjadi subjek alternatif bahan ajar dalam pendidikan sastera di sekolah dan juga peringkat yang lebih tinggi. Sewajarnya seni kata lagu juga diangkat dan diiktiraf sebagai salah satu cabang sastera di Malaysia kerana estetika dan kepelbagaian tema yang boleh didapati dalam sesebuah seni kata lagu.

RUJUKAN

Bukhari Lubis (1987). *Pujangga Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Bukhari Lubis (1994). *Beberapa idea tasawuf dalam syair Hamzah Fansuri (Melayu) dan Ibrahim Hakki Erzurumlu (Turki Uthmani)*, dalam *Persuratan Islam* (Bukhari Lubis, Penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadhli Al-Akiti (2013). Merdunya lagu indahny kata. *Dewan Sastera*, 1.
- Kamus Kesusasteraan* (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Puisi* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keraf, Gorys (1985). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Keraf, Gorys (2007). *Diksi dan gaya bahasa: komposisi lanjutan I*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Mana Sikana (1986). *Kritikan sastera: Pendekatan dan kaedah*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Mana Sikana (2013). *Berdiri di akar diri: kritikan sastera Melayu pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Mohd Affandi Hassan (1992). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Semi, M. Atar (1984). *Jurusan pendidikan bahasa Indonesia*. Padang: FPBS IKIP.
- Shafie Abu Bakar (2013). *Ulasan mengenai teori estetika bersepadu oleh tiga sarjana sastera*. Diperoleh Julai 31, 2015 daripada http://drshafie.blogspot.com/2013/05/ulasan-mengenai-teori-estetika_8636.html
- Tarigan, Henry Guntur (1985). *Pengajaran gaya bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Tarigan, Henry Guntur (2009). *Pengajaran gaya bahasa (edisi revisi)*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Zurinah Hassan (2013). *Puisi Melayu tradisional dalam lagu (Peranannya dalam pembentukan jatidiri kebangsaan)*. Kertas Kerja dibentangkan pada *Hari Puisi Nasional*. Pulau Pinang, 11 Mei 2013.